

## **TABAYYUN: ADAB DAN ETIKA DALAM PENYEBARAN ILMU DI MEDIA SOSIAL**

Nur Hamizah Binti Mohd Salleh<sup>1</sup>  
Nur Azyyati Iffah Binti Rahim<sup>2</sup>  
Nur Ainaa Syahirah Binti Azmi<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: hamizahsalleh@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: nur\_azyyatiiffah@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: ainaasyahirah@raudah.usim.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Dalam era digital yang meluas, media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat. Tabayyun merupakan proses penyelidikan dan semakan sebelum menyebarkan maklumat, serta menjelaskan peranan adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial. Dengan berkembangnya teknologi dan kemudahan akses kepada media sosial, maklumat dapat tersebar dengan cepat. Namun begitu, penyebaran maklumat ini dilakukan tanpa penelitian yang tepat, menyebabkan berlakunya penyebaran berita palsu dan pelanggaran etika dalam konsep tabayyun. Kajian ini mengkaji tentang konsep tabayyun dan signifikannya dalam konteks penyebaran ilmu di media sosial. Selain itu, kajian ini juga membincangkan mengenai prinsip adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial serta kesan pengabaian konsep tabayyun dalam kalangan masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada Al-Quran, hadis, laman sesawang berautoriti, jurnal-jurnal dan artikel. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan kepada mereka yang aktif di media sosial supaya menyebarkan maklumat yang sahih dan sentiasa mengamalkan konsep tabayyun ketika menerima maklumat di media sosial. Di samping itu, diharapkan juga agar kajian ini memberikan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat agar tidak terjerumus dalam penyebaran berita palsu.

**Kata Kunci:** Tabayyun, media sosial, adab dan etika.

### **Pendahuluan**

Dalam era globalisasi dan teknologi maklumat yang pesat, media sosial telah menjadi saluran utama bagi penyebaran maklumat dan ilmu pengetahuan. Fenomena ini memberikan peluang dan ruang yang luas bagi individu dalam berkongsi idea dan pengetahuan. Media sosial banyak memberi manfaat dan kesan positif, akan tetapi salahlaku penggunaan media sosial juga boleh memberikan impak negatif kepada pengguna. Oleh itu, media sosial yang seyogyanya menjadi medium komunikasi antara masyarakat memerlukan penerapan adab dan etika dalam penyebaran ilmu. Salah satu konsep yang mencerminkan nilai-nilai ini adalah "Tabayyun",

sebuah istilah yang merupakan proses penyelidikan dan semakan sebelum menyebarkan maklumat, serta menjelaskan peranan adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial.

Dalam konteks ini, konsep tabayyun muncul sebagai panduan asas yang menunjukkan prinsip etika dalam menyebarkan ilmu di dunia maya. Kita akan menelusuri mengenai konsep tabayyun, prinsip adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial serta kesan pengabaian konsep tabayyun dalam kalangan masyarakat, memberikan panduan supaya menyebarkan maklumat yang sahih dan berkualiti, menerapkan konsep tabayyun dalam diri setiap individu apabila menerima apa-apa sahaja maklumat di media sosial dan memberikan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat agar tidak terjerumus dalam penyebaran berita palsu.

Melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang tabayyun, diharapkan semua masyarakat yang menggunakan media sosial dapat memastikan maklumat yang diterima adalah benar dan tepat sebelum menerima atau menyebarkan kepada orang lain. Pada masa yang sama, diharapkan masyarakat juga dapat menjauhi penyebaran berita palsu dan fitnah yang boleh menyumbang kepada 'saham dosa'. Hal ini kerana, kesan daripada penyebaran berita palsu dan fitnah ini akan membawa kepada perbalahan, pergaduhan, pertelingkahan dan salah faham dalam masyarakat ataupun 'netizen'. Sebagaimana yang disebutkan firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 6, yang menyuruh umat Islam agar sentiasa selidik berita yang diterima supaya tidak menimbulkan musibah kepada diri sendiri dan orang lain.

## **Kajian Lepas**

### ***Konsep Tabayyun Menurut Islam***

Pertama, Muhamad Riza telah menulis dalam penulisannya di bawah tajuk Literasi Maklumat Sebagai Pelaksanaan Konsep Tabayyun Dalam Islam. Kajian ini mengupas mengenai hubungan konsep Literasi Maklumat dengan konsep Tabayyun dalam Islam. Berhati-hati ketika menilai maklumat sebagaimana yang pernah dilakukan oleh nabi Muhammad ketika menerima maklumat merupakan salah satu skop dalam Literasi Maklumat. Metodologi kajian ini ialah kajian perpustakaan dalam menghuraikan konsep-konsep utama Literasi Maklumat dan Tabayyun Maklumat dalam Islam. Hasil kajian ini menemukan bahwa ada beberapa metode dan teori dalam mengevaluasi informasi untuk mendapatkan informasi yang lebih baik, lebih sah dan lebih dapat dipercaya.

Kedua, menurut kajian lepas yang bertajuk Memerangi Berita Palsu, Salah Maklumat dan Pembelajaran Digital: Wawasan daripada Tradisi Etika Islam oleh Talat Zubair, Amana Raquib dan Junaid Qadir. Kajian ini membincangkan perihal teknologi yang telah menyebabkan timbulnya masalah seperti artikel berita palsu, bot media sosial, dan video palsu dan implikasinya, serta memberikan pandangan daripada tradisi etika Islam yang boleh membantu dalam mengurangkannya. Metodologi kajian ini ialah penyelidikan kualitatif. Hasil kajian ini membentangkan satu garis panduan

dengan merujuk kepada ajaran Al-Quran dan ajaran nabi dan amalan ulamak Islam untuk menentang penipuan.

Ketiga, kajian yang ditulis oleh Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi et al. (2022) bertajuk “Pengaruh Pemahaman Tabayyun Terhadap Tindakan Penerimaan Maklumat Melalui Media Sosial dalam Kalangan Pelajar” dimana kajian mereka bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman pengguna media sosial tentang konsep tabayyun, tindakan mereka dalam menerima maklumat serta meneliti pengaruh pemahaman terhadap tabayyun terhadap cara mereka menerima maklumat yang tidak jelas melalui media sosial. Kajian yang melibatkan 190 orang pelajar dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan menyebarkan boring soal selidik secara atas talian kepada responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memahami konsep tabayyun dan secara tidak langsung mempengaruhi cara mereka menerima maklumat.

Keempat, Mohamad Zulkifli, Abu Dardaa dan Rosmawati, menjalankan kajian bertajuk Pengurusan Tabayyun dalam Dakwah. Dalam penulisan ini, penulis telah mencadangkan strategi pengurusan dakwah yang disasarkan pada konsep pengurusan *tabayyun* yang mempertimbangkan keragaman masyarakat yang pelbagai. Pendekatan pengurusan *tabayyun* dalam dakwah melalui 6T iaitu terima, teliti, tashih, tekun, terbit dan teguh akan ditekankan serta pendekatan ini didasarkan pada tiga peringkat dakwah; Tabligh, Ta’lim dan Tatbiq, dimana kajian penulis menggunakan kaedah kualitatif yang menganalisis maklumat daripada kajian perpustakaan. Hasil kajian daripada penulisan ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi dan pengurusan dakwah yang baik dan efektif menjadi keharusan dalam pelaksanaan dakwah serta masyarakat perlu memainkan peranan dalam memastikan proses tabayyun dalam dakwah dijadikan sebagai panduan dalam penyebaran apa-apa berkaitan dengan ilmu pengetahuan.

### ***Media Sosial Menurut Islam***

Kelima, Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad dan Ahmad Marzuki Mohammad telah menulis artikel yang bertajuk “Media Sosial Dan Instagram Menurut Islam”. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pengguna media sosial dan instagram agar menggunakannya kearah kebaikan yang dapat menggambarkan akhlak yang mulia sebagai umat Islam. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa Instagram memainkan peranan dalam Islam kerana ia memberi kesan positif dan negatif dalam beberapa aspek. Selain itu, media sosial dan Instagram boleh dijadikan sebagai medium komunikasi kepada pendakwah untuk menyebarkan dakwah.

Keenam, berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Juminem yang bertajuk “Adab Bermedia Sosial Dalam Pandangan Islam”. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana adab bermedia sosial dalam pandangan Islam. Metodologi menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan merujuk beberapa sumber seperti buku, al-Quran, Hadith dan Jurnal. Hasil kajian menunjukkan bahawa

seorang muslim yang menggunakan media sosial hendaklah sentiasa mengamalkan adab-adab ketika bersosial dan saling hormat-menghormati sesama manusia.

Ketujuh, Md. Tarequl Islam telah menulis dalam kajiannya yang bertajuk *Kesan Media Sosial Terhadap Masyarakat Islam: Daripada Perspektif Islam*. Kajian ini bermatlamat untuk mempromosikan peranan media sosial dalam masyarakat Islam dan bagaimana ia digunakan berdasarkan panduan Islam demi menjaga kebajikan masyarakat. Metodologi penyelidikan ini menggunakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data. Selain itu, buku teks, jurnal serta sumber internet juga digunakan untuk penyelidikan ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa media sosial mempunyai kesan positif dan negatif dalam masyarakat Islam di dunia ini.

### ***Adab dan Etika Penyebaran Ilmu di Media Sosial***

Kelapan, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Erwan Effendy, Sovi Arnovita Sari, Sinta Ritonga dan Sarmo Maulina Bako dalam penulisan yang bertajuk “Konsep Tabayyun Terhadap Pemberitaan Melalui Media Sosial Youtube Sebagai Media Dakwah Di Masyarakat”. Matlamat kajian ini adalah untuk membincangkan konsep tabayyun terhadap pemberitaan melalui media sosial youtube sebagai media dakwah dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan merujuk kepada bahan bertulis seperti buku atau sumber yang relevan. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep tabayyun sangat penting dalam masyarakat dalam pemberitaan media sosial sebagai media dakwah yang sedang ‘*trending*’ agar dapat mengurangi penyebaran berita palsu dan juga fitnah.

Kesembilan, berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Ikhsan Md Raus, Muhammad Muzakkir Othman, Wan Azmi Wan Ahmad dan Suzaini Harmiruslin Supian dalam penulisan mereka yang bertajuk “Fiqah Siber: Panduan, Adab dan Etika di dalam Dunia Maklumat”. Kajian ini adalah untuk mengukur tahap kesedaran pelajar UITM Pahang terhadap perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti jenayah siber, bunuh diri, gangguan seksual, kecurian maklumat diri dan cetak rompak. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membincangkan adab dan etika mengikut Quran dan Sunnah yang perlu diikuti dan dijadikan panduan ketika berhubung atau menggunakan internet di dalam memastikan tiada unsur pelanggaran aqidah. Kajian ini menggunakan kaedah berbentuk kuantitatif iaitu 274 set soalan telah diedarkan kepada pelajar UITM Pahang dan juga kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa 214 responden bersetuju bahawa kecurian identity (identity theft) atau kecurian maklumat individu (personal information theft) adalah yang paling tinggi sekali risikonya, diikuti oleh penggunaan akses tanpa kebenaran (unauthorized use of access) dengan 67% dan porno-siber (cyber-porn) dengan 49%. Risiko yang paling rendah kemungkinan pengguna Facebook akan terima adalah bunuh diri dengan 43 responden (16%).

Kesepuluh, terdapat satu kajian bertajuk *Berita Palsu di Media Sosial Semasa Krisis Covid-19* telah ditulis oleh Mohd Haniff Mohamed Din, Nurulain Nadhirah Kamal dan Akmaliza Abdullah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor

yang menyumbang kepada penyebaran berita palsu dan kesan berita palsu ini di media sosial semasa krisis Covid-19 terhadap masyarakat. Kaedah analisis kandungan telah digunakan dengan mengumpul dan menganalisis buku, artikel, dan mesej berita palsu yang terdapat di media sosial yang berkaitan dengan pandemik Covid-19. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sosial, kognitif, kewangan dan perkara yang berniat jahat merupakan faktor yang menjadi sebab berlakunya penyebaran berita palsu.

Kesebelas, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Musfirah binti Mohamad dan Nurul Husna binti Mat Isa dalam penulisan yang bertajuk *Prinsip Tabayyun Menurut Al-Qur'an: Penyelesaian kepada Cabaran dan Isu di Media Sosial*. Kajian ini bertujuan untuk memahami terlebih dahulu konsep tabayyun daripada perspektif Islam dan menganalisis garis panduan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam Al-Quran sebagai panduan dalam menangani cabaran dan isu media sosial. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui penerokaan pelbagai sumber perpustakaan. Data yang dikumpul, dianalisis dan dibincangkan untuk mencapai objektif kajian ini. Kajian ini mendapati prinsip tabayyun ditekankan dalam ajaran Islam untuk menjaga manusia daripada terjebak dalam perangkap fitnah serta menghalang mereka daripada menerima dan menyebarkan maklumat yang diragui dan tidak tepat.

Kedua belas, merujuk kepada kajian “Panduan Interaksi Sosial Digital dalam Media Sosial Berasaskan Komunikasi Nabawi” yang ditulis oleh Syed Mohammad Hilmi, Muhammad Hazim dan Che Zarina. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menentukan garis panduan umum kepada interaksi sosial digital iaitu media sosial khususnya dengan menjadikan hadis-hadis nabawi yang bertemakan komunikasi sebagai rujukan dan sandaran. Penelitian ini memanfaatkan metodologi kepustakaan serta metodologi mawdu’i iaitu analisis hadis tematik dengan mengumpulkan sejumlah hadis terpilih yang relevan dengan topik komunikasi. Hasil kajian, penulis telah membangunkan model komunikasi Nabawi dimana ianya menekankan semangat persaudaraan dalam falsafah komunikasi media sosial yang menuntut kepada pergaulan yang baik sesama pengguna.

Ketiga belas, berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Wan Hakim Bin Wan Mohd Nor, Fatin Nazmin Mansor dan Nik Mohd Nabil Bin Ibrahim@Nik Hanafi dalam artikel mereka iaitu “Kepentingan Tabayyun Dalam Mendepani Arus Globalisasi”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan tabayyun dalam menerima dan menyebarkan sesuatu berita dalam mendepani era globalisasi yang kian mencabar ini. Kajian ini menggunakan berbentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah perpustakaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa dengan prinsip tabayyun suatu berita atau isu dapat ditapis dan dipastikan kesahihannya.

Keempat belas, artikel yang bertajuk “Amalan Tabayyun Netizan dalam Menerima dan Menyampaikan Maklumat di Media Sosial” yang ditulis oleh Nuramaliya Mohamad Rosman dan Rosmawati Mohamad Rasit. Kajian yang mereka lakukan bertujuan untuk menganalisis bagaimana amalan tabayyun netizen dalam

menerima dan menyampaikan maklumat di media sosial. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan kaedah persampelan bertujuan serta data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat dua kelompok netizen dimana kelompok pertama mempunyai amalan tabayyun yang baik dan memuaskan berbanding kelompok kedua yang mempunyai tahap amalan tabayyun yang kurang memuaskan.

Kelima belas, jurnal bertajuk *Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam* penulisan Syed Mohammad Hilmi dan rakan-rakannya yang bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan penyalahgunaan media sosial dan panduan menanganinya. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian kualitatif dijalankan dengan memanfaatkan sumber kepustakaan sepenuhnya dengan mengumpul dan menganalisis isu yang berkaitan dengan media sosial sama ada daripada artikel jurnal, laporan akhbar atau laman web berautoriti. Hasil daripada kajian menunjukkan terdapat pelbagai isu dan kes berkaitan penyalahgunaan media sosial. Pada dasarnya pengguna media sosial perlu mengaplikasikan nilai-nilai akhlak Islam dalam interaksi mereka di media sosial supaya ekosistem kesolehan digital dapat diwujudkan.

### ***Definisi Tajuk***

"Tabayyun" merupakan istilah dalam bahasa Arab iaitu dari perkataan *bayyana*. Akar kata ini bermaksud untuk menjelaskan, menerangkan, atau menyatakan dengan jelas. Dalam konteks yang lebih luas, ia merujuk kepada tindakan untuk membuat sesuatu menjadi jelas, baik melalui penjelasan, pengesahan, atau penyelidikan maklumat sebelum membuat kesimpulan. Konsep ini mendorong individu agar tidak terburu-buru dalam membuat kesimpulan atau menyebarkan maklumat, melainkan membuat semakan atau penyelidikan terlebih dahulu untuk memastikan maklumat tersebut benar dan tepat.

Penerapan tabayyun sangat relevan dalam era maklumat digital, di mana maklumat boleh tersebar dengan cepat dan luas. Oleh itu, memiliki kesedaran terhadap tabayyun adalah langkah penting untuk meminimalkan penyebaran maklumat yang tidak tepat atau tidak benar, serta untuk membangunkan masyarakat yang lebih peka untuk mengakses maklumat atau berita yang sahih.

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-3 dan Edisi ke-4, mendefinisikan bahawa adab adalah tingkah laku serta tutur kata yg halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus, kesopanan atau cara seseorang berkelakuan dalam sesuatu situasi tertentu, budi bahasa dan tingkah laku, pengetahuan mengenai buruk baik bagi perilaku manusia. Adab juga mencerminkan nilai-nilai kehormatan, keramahan, dan rasa tanggungjawab terhadap orang lain. Manakala, etika pula ditakrifkan sebagai ilmu yang berkaitan dengan prinsip-prinsip akhlak, prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Etika juga merangkumi konsep

seperti keadilan, kejujuran, integrasi dan tanggungjawab dalam membuat keputusan moral.

Dalam konteks "Adab dan Etika dalam Penyebaran Ilmu di Media Sosial", istilah ini menekankan kepentingan melakukan penyelidikan, pengesahan serta kesahihan sesuatu maklumat sebelum menyebarkannya di platform media sosial serta menerapkan adab dan etika yang baik dalam menyampaikan serta menyebarkan maklumat dari media sosial agar tidak menimbulkan kesalahfahaman terhadap maklumat yang didapati daripada sumber media sosial.

## **Metodologi Kajian**

Pendekatan kualitatif digunakan dalam artikel ini melalui kaedah analisis data. Analisis data bermaksud meneliti dan memahami maklumat yang didapati daripada pelbagai sumber. Sebagai contoh, sumber jurnal, laporan, buku, surat-menyurat atau wawancara. Kaedah ini menggunakan beberapa prosedur seperti membaca, memahami dan menganalisis semua maklumat yang telah dikumpulkan. Kajian kualitatif seperti analisis data ini ialah proses yang kompleks. Kemahiran kecekapan dalam penilitian maklumat diperlukan untuk mendapatkan hasil yang baik dan bernas. Kajian kualitatif menganalisis data telah dilakukan dalam penulisan ini untuk mengenal pasti konsep tabayyun, prinsip adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial serta kesan pengabaian konsep tabayyun dalam kalangan masyarakat.

## **Kepentingan Tabayyun dalam Penyebaran Ilmu di Media Sosial**

Proses pengesahan maklumat dan kebenaran atau dikenali sebagai tabayyun merupakan aspek penting dalam penyebaran ilmu di media sosial. Di era digital dan moden ini, segala maklumat dapat tersebar dengan pantas tanpa batasan dan halangan tidak kira tempat dan masa. Segala maklumat atau perkongsian yang ingin disebarkan di media sosial hanya memerlukan waktu yang pendek. Perkara ini membuatkan lahir pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memeriksa atau memastikan maklumat yang dikongsi itu benar atau tidak. Hal ini menyebabkan masalah penyebaran berita palsu makin hari makin tinggi seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Oleh itu, tabayyun memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah penyebaran berita palsu. Antara kepentingan tabayyun dalam penyebaran ilmu di media sosial adalah seperti berita palsu dan tidak benar

- Meningkatkan kredibiliti pengguna dan kepercayaan masyarakat
- Menggalakkan budaya dan pemikiran yang kritis
- Mendorong masyarakat kepada pemahaman yang lebih mendalam

Perintah untuk mengamalkan konsep tabayyun ialah arahan yang sangat perlu untuk menghindari perasaan prasangka terhadap setiap maklumat yang diterima atau diberikan. Ketika maklumat itu bersifat positif, perlu berwaspada terhadap (ghibah), akan tetapi jika

maklumat yang disampaikan itu tidak benar, maka ia boleh mengundang kepada fitnah. Oleh itu, sebelum menerima atau menyebarkan apa-apa maklumat mestilah mengetahui kebenaran fakta tersebut terlebih dahulu. Isu fitnah dan menipu yang telah berleluasa hari ini disebabkan oleh penyebaran berita palsu yang tiada henti. Oleh hal yang demikian, Allah telah memerintah untuk amalkan tabayyun. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Hujurat, ayat ke 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَيَّ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

### **Pensyariatian tabayyun menurut ulama terdahulu:**

- Imam al-Syaukani berkata: Yang dimaksud dengan tabayyun ialah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksud dengan tatsabbut ialah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan kabar yang datang, sehingga menjadi jelas dan terang baginya (Al-Shawkani, 1993).
- Ibn Jarir berkata: Hendaklah kamu tabayyun iaitu dengan tangguh seketika maklumat atau berita yang sampai kepada kamu sehingga kamu tahu dan yakin akan kebenarannya. Jangan sekali-kali kamu gelojoh untuk menerimanya. (Tabari, 1954)
- Ibn Kathir berkata: Allah perintahkan supaya kita *thabitkan* dahulu perkhabaran orang *fasiq* sebagai *ihtiyat*. Perkara ini supaya seseorang tidak berhukum dengan ucapannya dan boleh membawa kepada dusta atau tersilap (Ibn Kathir, 1999).
- Syeikh al-Maraghi telah menafsirkan bahawa Allah SWT telah mengajar hambanya supaya beradab mulia dalam soal agama ataupun dunia. Oleh itu, apabila seseorang yang *fasiq* datang memberitahu sesuatu berita yang bertentangan dengan panduan agama, jangan mempercayai beritanya itu melainkan dengan menyelidik serta menelitinya terlebih dahulu (Al-Maraghi, 1946).
- Syeikh Ali al-Sobuni di dalam tafsirnya menyatakan jika datang kepada kamu seorang lelaki *fasiq* yang mana ia tidak boleh dipercayai dengan kebenaran dan keadilannya, dengan apa yang dikhabarkan, maka hendaklah kamu menyemak akan kesahihan khabarnya itu. Ini supaya kamu tidak menghukum atau menuduh sesuatu kaum sedangkan kamu jahil tentang perkara yang sebenar dan kamu akan menyesal atas perbuatan kamu (Al-Sabouni, 1997).
- Dr. Wahbah al-Zuhaili menyatakan bahawa: Allah SWT menyeru kepada umatnya yang beriman, apabila datang orang *fasiq* menyampaikan berita sebaiknya mencari kebenaran berkenaan dengan berita itu dan janganlah terlalu cepat menghukumnya dan menyebarnya. Ini kerana takut akan keburukan dan perkara yang tidak diingini berlaku di atas keputusan yang salah serta memberi kesesahan kepada orang lain (Al-Zuhaili, 1991).

Secara konklusinya, dalam Surah Al-Hujurat ayat 6 itu menekankan bertabayyun ketika menerima atau menyampaikan maklumat. Pada masa yang sama, janganlah kita terus membuat kesimpulan sendiri dan mempercayai sesuatu perkara tanpa memeriksa kebenarannya terlebih dahulu. Hal ini kerana, setiap perkara yang kita lakukan di dunia ini akan disoal semula di akhirat nanti.

### **Prinsip Adab Dan Etika Dalam Penyebaran Ilmu Di Media Sosial**

- Menyelidik setiap maklumat yang diterima melalui media sosial

Pada era ini, kemajuan teknologi telah mencapai taraf yang paling tinggi. Berita-berita atau maklumat dapat disebarkan dengan mudah melalui media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Tiktok*, *Instagram* dan sebagainya. Namun, laman atau media sosial ini akan menjadi berisiko jika tidak digunakan dengan sebaiknya. Oleh itu, kita perlulah menyelidik dan menilai dengan teliti setiap berita yang diterima di media sosial bagi memastikan kesahihan dan kebenaran maklumat itu dan mengelakkan penyebaran berita palsu (Wan Hakim, Fatin, & Nik Mohd Nabil, 2018). Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.*

(Surah Al-Hujurat:6)

Ayat ini menjadi jelas bahawa konsep tabayyun amat penting kepada setiap individu agar lebih berhati-hati dan menapis dengan teliti setiap maklumat di media sosial sebelum menerimanya.

- Menjauhkan diri daripada berkata-kata atau mengemukakan pendapat terhadap khabar angin yang tidak pasti di media sosial

Kita mestilah berhati-hati ketika berhadapan dengan maklumat atau khabar angin di media sosial yang tidak diketahui kesahihan dan ketepatannya. Di media sosial seperti tiktok misalnya, terdapat pelbagai isu atau berita ‘*viral*’ yang melibatkan sesuatu benda, seseorang individu, kumpulan atau masyarakat. Kita haruslah menahan diri daripada menyuarakan pendapat atau memberikan komen tanpa penelitian yang cukup dan tanpa diketahui kesahihan berita itu. Ulasan atau pendapat terhadap sesuatu khabar angin akan menyumbang kepada penguatan naratif yang berpotensi palsu, seterusnya boleh membawa kepada fitnah dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

- Menyampaikan maklumat yang benar dan tepat

Setiap individu perlulah mengutamakan kejujuran dan ketepatan dalam menyampaikan maklumat di platform media sosial. Dalam hal ini, pengguna perlu berkongsi maklumat yang betul dengan komuniti dalam talian tanpa memanipulasi fakta dan tidak menyebarkan maklumat yang belum disahkan kebenarannya (Juminem, 2019). Prinsip ini menekankan tanggungjawab dan kejujuran individu dalam menyemak dan memastikan ketepatan maklumat sebelum berkongsi di alam siber. Perkara ini perlulah diambil berat untuk mengelakkan berlakunya penyebaran berita palsu dan menjauhi diri daripada tergolong dalam golongan yang pendusta. Sebagaimana Nabi Muhammad SAW bersabda;

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

*Maksudnya: Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarinya*

- Tidak berkongsi maklumat yang mengandungi unsur fitnah

Dalam arus kemodenan dunia tanpa sempadan, penyebaran maklumat yang mengandungi unsur fitnah terus meningkat terutamanya di media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Tiktok*. Unsur fitnah merujuk kepada kenyataan atau maklumat palsu yang sengaja disebarkan untuk merosakkan nama baik seseorang atau sesuatu kumpulan. Hal ini bukan sahaja boleh menjatuhkan kredibiliti seseorang malah dapat membawa kepada permusuhan (Mohd Ikhsan, Muhammad Muzakkir, Wan Azmi, & Suzaini, 2013). Menjauhkan diri daripada berkongsi maklumat atau berita yang mengandungi unsur fitnah di media sosial mencerminkan sikap bertanggungjawab dan beretika seseorang individu dalam berkomunikasi secara maya. Sebagaimana firman Allah SWT yang mengharamkan perbuatan fitnah;

*Maksudnya: Dan janganlah kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina. Yang banyak mencela, yang kian ke mari menghambur fitnah.*

(Al-Qalam: 10-11)

## **Kesan Pengabaian Konsep Tabayyun Dalam Kalangan Masyarakat**

- Kemunculan dan Penyebaran Berita Palsu

Menurut Rosman & Rasit (2021), seperti yang kita tahu media sosial merupakan platform mudah untuk kita mengakses segala maklumat. Namun, pengabaian terhadap konsep tabayyun berpotensi menyebabkan berlakunya kemunculan serta lambakan penyebaran berita palsu dan maklumat yang tidak sahih yang boleh menjejaskan peranan media sosial sebagai platform menyampaikan dan menerima segala maklumat.

Perkara ini boleh membawa kepada penularan berita palsu bahkan implikasi terhadap penyebaran berita palsu ini boleh mewujudkan fitnah serta sikap prasangka buruk dalam kalangan setiap diri individu yang boleh mengharu birukan keharmonian dan mengganggu gugat ikatan persaudaraan dalam sesebuah masyarakat.

Kajian Hamzah et al. (2020) menunjukkan bahawa pada masa kini terdapat penyalahgunaan media sosial oleh individu-individu yang tidak mempraktikkan adab dan etika, dimana mereka menggunakan media sosial dengan bertujuan menyebarkan maklumat tanpa tabayyun dan telah meninggalkan kesan negatif kepada individu, keluarga, masyarakat serta negara. Penularan dan kemunculan berita palsu daripada pihak yang tidak bertanggungjawab ini akan menyebabkan berlakunya unsur-unsur penipuan, prasangka buruk serta berlaku fitnah terhadap individu dengan tujuan merosakkan imej dan reputasi mereka.

- Membawa kepada Maksiat dan Dosa

Amalan tabayyun merupakan satu aspek keperibadian yang luhur dan mulia. Ini disebabkan sikap tabayyun mencerminkan tingkah laku dan usaha untuk mencapai kejelasan serta kepastian terhadap sesuatu isu (Wan Mohd Nor, Mansor, & Ibrahim@Nik Hanafi, 2018).

Oleh itu, daripada kefahaman kenyataan tersebut, sekiranya konsep tabayyun ini diabaikan ianya membuka ruang maksiat dan dosa kepada penerima maklumat iaitu “netizen” kerana akan berleluasanya umpat-mengumpat, caci maki dan pelbagai komen negatif yang akan muncul di ruangan komen.

Konsep penggunaan media sosial berkait rapat dengan komunikasi dimana (Soroni, 2021) lidah yang kita gunakan untuk berbicara serta tangan yang digunakan untuk menulis atau menaip memiliki peranan yang sangat signifikan. Kedua-duanya berperan dalam mengungkapkan isi hati dan pikiran kita. Justeru sekiranya amalan tabayyun ini tidak diaplikasikan ianya membuka ruang kepada ghibah iaitu umpat mengumpat dimana Allah dan Nabi SAW sangat membenci perbuatan ini. Menceritakan aib orang lain di ruangan perbualan WhatsApp atau Telegram juga dikira berdosa, sebagaimana menulis komen yang keji, berunsur mengumpat ianya juga dikira sebagai ghibah kerana komen tersebut membawa kepada kesan buruk yang membawa kepada membuka aib yang keterlaluan juga berdosa (Fizah Lee, 2019). Justeru konsep tabayyun perlu diaplikasikan oleh setiap individu supaya kita dapat mengelakkan diri kita daripada terjerumus ke dalam perkara maksiat dan dosa.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dalam era di mana media sosial memainkan peranan utama sebagai platform komunikasi dan penyebaran ilmu di media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram*, *TikTok* serta platform media yang lain, konsep tabayyun atau proses pengesahan

maklumat sebelum menyebarkan atau bertindak, ianya menjadi aspek utama kunci dalam adab dan etika penyebaran ilmu di media sosial. Amalan tabayyun sangat perlu dititikberatkan bagi mengelakkan impak negatif kepada masyarakat seperti salah faham, pergaduhan, fitnah memfitnah serta perkara buruk yang lain. Penggunaan media sosial sebagai saluran penyampaian ilmu, berita dan maklumat mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Ianya bergantung kepada penyampai dan penerima maklumat tersebut untuk mengaplikasikan amalan tabayyun sebelum menyebar dan menerima secara bulat-bulat maklumat yang diterima dan yang disampaikan.

Menggunakan teknologi media sosial adalah sesuatu yang tidak salah, namun ia perlu dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan beretika serta mengelakkan daripada penyalahgunaannya untuk kepentingan diri sendiri dengan memberikan sensasi terhadap maklumat yang tidak pasti kesahihannya semata-mata untuk meningkatkan jumlah 'views, likes dan share'.

Oleh itu, sebagai individu Muslim yang mengamalkan nilai-nilai agama dan ajaran Al-Quran sebagai panduan utama, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melakukan penilaian dan penyelidikan menyeluruh iaitu konsep tabayyun sebelum menerima atau menyebarkan sebarang maklumat atau ilmu-ilmu agama di media sosial. Tindakan ini adalah penting bagi memastikan kebolehpercayaan maklumat yang akan disebarkan kepada masyarakat melalui media sosial, demi memelihara keharmonian sebuah negara yang berpegang kepada prinsip Islam sebagai agama rasmi, seperti di Malaysia.

## **Rujukan**

- Ab Hadi, S. N. I., Abdul Wahab, H., Nik Azhari, N. M. Z., & Shahrin Nizar, M. I. (2022). Pengaruh Pemahaman Tabayyun Terhadap Tindakan Penerimaan Maklumat Melalui Media Sosial dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001486. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1486>
- Al-Maraghi, A. b. (1946). Tafsir Al-Maraghi. Mesir: Perpustakaan dan Syarikat Percetakan Mustafa Al-Babi Al-Halabi. Juz: 26, Hlmn: 126
- Al-Sabouni, A. (1997). Sofwah Al-Tafasir. Al-Qahera: Dar Al-Sabouni. Juz: 3, Hlmn: 216
- Al-Shawkani, I. M. (1993). Fath ul Qadeer. Damsyik, Beirut: Dar Ibn Katheer, Dar Al-Kalam Al-Tayeb. Juz: 5, Hlmn: 56
- Al-Zuhaili. (1991). Tafsir Al-Munir. Syiria, Lubnan: Dar Al Fikr. Juz: 2, Hlmn: 227
- Erwan, E., Sovi Arnovita, S., Sinta, R., & Sarmo Maulina, B. (2023). Konsep Tabayyun Terhadap Pemberitaan Melalui Media Sosial Youtube Sebagai Media Dakwah Di Masyarakat. *INNOVATIVE: Journal of Social Science Research*, 3(5), 9067–9076. Retrieved from <https://j-innovative.org/index.php/Innovative>
- Fizah Lee. (2019, July 25). Tulis Komen Buruk Di Media Sosial – Adakah Dianggap Ghibah? Retrieved December 17, 2023, from tzkrrh.com website: <https://tzkrrh.com/201920434/>

- Ghani, M. Z. A., Mohamad, A. D., & Rasit, R. M. (2019). PENGURUSAN TABAYYUN DALAM DAKWAH. *Al-Hikmah*, 11(1), 118–131. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/359>
- Hamzah, S., Ani, F., Rameli, N., Nor, N. M., Halim, H., Rahman, R., ... Kamri, K. A. (2020). Impak Penyebaran Berita Palsu melalui Media Sosial terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55–63. <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.005>
- Ibn Kathir, A. A.-F.-Q. (1999). Tafsir Ibn Kathir. Dar Taiba. Juz: 7, Hlmn: 370
- Islam, M. T. (2019). THE IMPACT OF SOCIAL MEDIA ON MUSLIM SOCIETY: FROM ISLAMIC PERSPECTIVE. *International Journal of Social and Humanities Sciences (IJSHS)*, 3(3), 95-114. Retrived from [https://scholar.google.com.my/scholar?q=THE+IMPACT+OF+SOCIAL+MEDIA+ON+MUSLIM+SOCIETY:+FROM+%0D%0AISLAMIC+PERSPECTIVE&hl=en&as\\_sdt=0&as\\_vis=1&oi=scholart](https://scholar.google.com.my/scholar?q=THE+IMPACT+OF+SOCIAL+MEDIA+ON+MUSLIM+SOCIETY:+FROM+%0D%0AISLAMIC+PERSPECTIVE&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholart)
- Juminem. (2019). Adab Bermedia Sosial Dalam Pandangan Islam. *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(1), 23. <https://doi.org/10.32678/geneologipai.v6i1.1799>
- Mohd Haniff Mohamed Din, N. N. (2020). Fake News on Social Media during Covid-19 Crisis . *PROSIDING SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN. Bil 2 Jilid 2*, 19-30. Retrived from [https://www.researchgate.net/publication/342747252\\_ProSIDING\\_Seminar\\_Falafah\\_Sains\\_dan\\_Ketamadunan\\_22\\_2020](https://www.researchgate.net/publication/342747252_ProSIDING_Seminar_Falafah_Sains_dan_Ketamadunan_22_2020)
- Mohd Ikhsan, M. R., Muhammad Muzakkir, O., Wan Azmi, W. A., & Suzaini Harmiruslin, S. (2013). Fiqah Siber: Panduan, Adab dan Etika di dalam Dunia Maklumat. *KONAKA 2013*, 189–194. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/40836>
- Nor Musfirah binti Mohamad, N. H. (2022). The Principles of Tabayyun According to the Qur'an. *al-Burhān Journal of Qur'an and Sunnah Studies*, 6: Spec. Issue 1, 1-14. Retrived from [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=ethics+of+using+social+media+tabayyun+&oq=#d=gs\\_qabs&t=1700652053338&u=%23p%3DP4Id1dNqAPoJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=ethics+of+using+social+media+tabayyun+&oq=#d=gs_qabs&t=1700652053338&u=%23p%3DP4Id1dNqAPoJ)
- Nur Hidayu, N., Nur Syuhada, M., & Ahmad Marzuki, M. (2019). Media Sosial dan Instagram Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia*, 277–296.
- Rahman, S. M. H. S. A., Azhar, M. H. M., & Sa'ari, C. Z. (2022). PANDUAN INTERAKSI SOSIAL DIGITAL DALAM MEDIA SOSIAL BERASASKAN KOMUNIKASI NABAWI. *Proceeding of International Prophetic Conference*, (8th), 230–239. Retrieved from <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/24>

- Rahman, S. M. H. S. A., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A., & Azhar, M. H. M. (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 69–92. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/37643>
- Riza, M. (2021). Information Literacy As An Implementation Of Tabayun. *Tik Ilmeu : Jurnal Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, Vol.5, No.2, 201-214. Retrived from [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=ethics+of+using+social+media+tabayyun+&oq=#d=gs\\_qabs&t=1700652257614&u=%23p%3DqQEXOMUH7foJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=ethics+of+using+social+media+tabayyun+&oq=#d=gs_qabs&t=1700652257614&u=%23p%3DqQEXOMUH7foJ)
- Rosman, N. M., & Rasit, R. M. (2021). Amalan Tabayyun Netizen dalam Menerima dan Menyampaikan Maklumat di Media Sosial: Tabayyun Netizens Practices in Receiving and Conveying Information on Sosial Media. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 8(1), 96–109. Retrieved from <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/157>
- Soroni, D. M. K. (2021, August 8). Bahaya mengumpat dalam media sosial. Retrieved December 17, 2023, from Harian Metro website: <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/08/739921/bahaya-mengumpat-dalam-media-sosial>
- Tabari, M. M. (1954). Tafsir Al-Tabari: Jami' al-bayan an-ta'wil al-quran. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif. Juz: 22, Hlmn: 286
- Talat Zubair, A. R. (2019). COMBATING FAKE NEWS, MISINFORMATION, AND MACHINE LEARNING GENERATED FAKES: INSIGHTS FROM THE ISLAMIC ETHICAL TRADITION. *ICR 10.2 Produced and distributed by IAIS Malaysia*, 1-24. Retrived from [https://scholar.google.com.my/scholar?q=COMBATING+FAKE+NEWS,+MISINFORMATION,+AND+%0D%0AMACHINE+LEARNING+GENERATED+FAKES:+INSIGHTS+FROM+%0D%0ATHE+ISLAMIC+ETHICAL+TRADITION&hl=en&as\\_sdt=0&as\\_vis=1&oi=scholart](https://scholar.google.com.my/scholar?q=COMBATING+FAKE+NEWS,+MISINFORMATION,+AND+%0D%0AMACHINE+LEARNING+GENERATED+FAKES:+INSIGHTS+FROM+%0D%0ATHE+ISLAMIC+ETHICAL+TRADITION&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholart)
- Wan Hakimin, W. M. N., Fatin Nazmin, M., & Nik Mohd Nabil, I. H. (2018). Kepentingan Tabayyun Dalam Mendepani Arus Globalisasi Wan Hakimin Bin Wan Mohd Nor Fatin Nazmin Mansor Nik Mohd Nabil B Ibrahim@Nik Hanafi. In *Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi.Selangor. Organized By Faculty of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor* (Pp. 411–421).
- Wan Mohd Nor, W. H., Mansor, F. N., & Ibrahim@Nik Hanafi, N. M. N. (2018). KEPENTINGAN TABAYYUN DALAM MENDEPANI ARUS GLOBALISASI. In *TENERA HOTEL. BANDAR BARU BANGI.SELANGOR. ORGANIZED BY FACULTY OF ISLAMIC CIVILISATION STUDIES. INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR* (p. 415). Retrieved from <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2018/1068-irsyad-2018.pdf>